



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA:
UNDANG-UNDANG DAN AMALAN**

KOD KURSUS : DSM3193

PEPERIKSAAN : JUN 2024

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan untuk membawa sebarang bahan/nota ke bilik peperiksaan tanpa arahan/kebenaran daripada pengawas.
3. Pastikan kertas soalan peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas Soalan.
 - ii. Kertas Jawapan Objektif.
 - iii. Buku Jawapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
Kertas soalan ini mengandungi 10 muka surat termasuk kulit hadapan

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah objektif kesatuan sekerja ditubuhkan?
 - A Mengawal selia perhubungan antara pekerja dan majikan.
 - B Memantau dan menyelia pembangunan dan pergerakan pekerja menjadi teratur untuk manfaat organisasi.
 - C Mengemaskini pelaksanaan keselamatan sosial untuk memastikan jaringan keselamatan yang mencukupi untuk pekerja.
 - D Mengurus dan menyelesaikan pertikaian perusahaan antara pekerja dan majikan untuk mewujudkan suasana kerja yang kondusif.

2. Encik Ropi ialah seorang Pegawai Sumber Manusia. Beliau mendapati bahawa kebanyakan pekerjaannya telah menyertai kesatuan sekerja. Encik Ropi terpaksa mencari jalan bagaimana untuk bekerjasama dengan kesatuan sekerja tanpa melibatkan pertikaian. Apakah strategi yang boleh dilakukan oleh Encik Ropi untuk mengurangkan pertikaian antara majikan dan kesatuan sekerja?
 - i. Memastikan penglibatan kesatuan sekerja dalam sistem pengurusan prestasi yang efektif.
 - ii. Melibatkan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dalam jawatankuasa untuk membuat keputusan.
 - iii. Mengaturkan program latihan bersama penyelia-penyelia dan pemimpin kesatuan sekerja.
 - iv. Berusaha mewujudkan kempen siratulrahim antara pihak pengurusan dan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja.
 - A i dan ii
 - B i dan iv
 - C ii dan iii
 - D iii dan iv

3. Enggan menggajikan seseorang atas alasan:
1. Dia adalah ahli atau bukan ahli kesatuan sekerja.
 2. Dia adalah pegawai atau bukan pegawai kesatuan sekerja.

Pernyataan 1

Apakah seksyen yang terlibat berdasarkan pernyataan 1?

- A Seksyen 5(1)(b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177
 - B Seksyen 5(1)(c), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177
 - C Seksyen 5(1)(d), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177
 - D Seksyen 5(1)(e), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177
4. Arif telah diugut oleh majikannya untuk dcederakan sekiranya beliau bercadang menjadi ahli kesatuan sekerja. Apakah seksyen yang berkaitan dengan situasi Arif?
- A Seksyen 5 (1) (a), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
 - B Seksyen 5 (1) (b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
 - C Seksyen 5 (1) (c), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
 - D Seksyen 5 (1) (d), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

5. Kesatuan yang bercorak kebangsaan adalah mereka yang berada dalam tred dan industri yang sama.

Pernyataan 2

Pernyataan 2 di atas dikategorikan sebagai

- A kesatuan sekerja sektor awam.
- B kesatuan sekerja sektor swasta.
- C kesatuan sekerja sektor majikan.
- D kesatuan sekerja sektor badan berkanun.

6. Manakah antara berikut dikecualikan daripada menubuhkan atau memasuki kesatuan sekerja?
- i. Buruh kasar.
 - ii. Pemegang jawatan pengurusan.
 - iii. Anggota-anggota perkhidmatan penjara.
 - iv. Pekerja-pekerja perkhidmatan perlombongan.
- A** i dan ii
B i dan iii
C ii dan iii
D iii dan iv
7. Antara tatacara penubuhan dan pendaftaran kesatuan sekerja perlulah dimulakan dengan
- A** mengisi Borang B.
 - B** melantik pengerusi sementara.
 - C** mengadakan mesyuarat penubuhan kesatuan dalam kalangan pekerja.
 - D** membuat pendaftaran kesatuan sekerja dalam tempoh satu bulan dari tarikh penubuhan.
8. Apakah fungsi Akta Kesatuan Sekerja 1959?
- A** Akta yang menjadi garis panduan tentang prosedur penubuhan dan pengiktirafan kesatuan sekerja.
 - B** Akta yang menggariskan penalti pertikaian perusahaan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.
 - C** Akta yang meningkatkan dan menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja, majikan dan kesatuan sekerja.
 - D** Akta yang menyediakan panduan tentang peraturan siasatan dalaman jika berlaku pertikaian antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.

9. Encik Rahim telah menubuhkan kesatuan sekerja sektor swasta dalam industri pertukangan pada tarikh 6 Februari 2023. Beliau dikehendaki untuk memohon pendaftaran kesatuan di bawah akta dalam satu tempoh tertentu. Manakah tarikh yang sesuai untuk Encik Rahim mendaftarkan kesatuannya?
- A 8 Mei 2023
 - B 8 Mac 2023
 - C 27 April 2023
 - D 24 Februari 2023
10. Apakah perkara-perkara yang perlu ada dalam Borang Permohonan Pendaftaran Kesatuan Sekerja?
- i. Nama majikan.
 - ii. Nama kesatuan.
 - iii. Tarikh rundingan kolektif.
 - iv. Tujuh tanda tangan pemohon.
- A i dan ii
 - B i dan iii
 - C ii dan iv
 - D iii dan iv
11. Menurut seksyen 29, Akta Kesatuan Sekerja 1959, seseorang itu tidak boleh diambil bekerja dengan kesatuan sekerja sekiranya dia
- A bekas pegawai kesatuan sekerja.
 - B pekerja atau pegawai kesatuan sekerja yang lain.
 - C pekerja atau pegawai yang bekerja dengan organisasi yang lain.
 - D mewakili pekerja dalam pendamaian perusahaan dengan pihak majikan berkaitan hal-hal disiplin.
12. Manakah antara berikut **bukan** skop perwakilan kesatuan sekerja?
- A Kesatuan sekerja yang berdaftar.
 - B Kesatuan sekerja yang mempunyai ahli yang ramai.
 - C Kesatuan sekerja bersesuaian dengan klasifikasi ahlinya.
 - D Kesatuan sekerja mendapat mandat yang mencukupi daripada ahli.

13. Manakah antara berikut merupakan terma yang perlu ada dalam perjanjian kolektif?

- i. Nama pihak dalam perjanjian.
- ii. Menyatakan tempat atau premis.
- iii. Penetapan isu tawar-menawar yang akan dibincangkan oleh pihak kesatuan.
- iv. Tempoh perjanjian berkuatkuasa yang tidak boleh kurang dari tiga tahun atau lebih dari lima tahun dari tarikh kuatkuasa perjanjian.

- A** i dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv

14.

- Kesatuan sekerja telah mempelawa majikan bagi memulakan perundingan kolektif.
- Satu draf bertulis berserta cadangan-cadangan kepada perjanjian kolektif akan disertakan sekali.

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, berapa lamakah majikan perlu menyatakan persetujuan secara bertulis kepada kesatuan sekerja bagi mengadakan perundingan kolektif?

- A** 7 hari daripada tarikh perlawanan dibuat.
B 14 hari daripada tarikh perlawanan dibuat.
C 21 hari daripada tarikh perlawanan dibuat.
D 30 hari daripada tarikh perlawanan dibuat.

15. Apakah syarat dalam mengadakan rundingan kolektif?

- A Kesatuan sekerja mestilah mendapat pengiktirafan daripada majikan.
- B Kesatuan sekerja mestilah telah berdaftar di bawah akta Perhubungan Perindustrian 1967.
- C Hanya kesatuan sekerja sahaja boleh membuat pelawaan untuk mengadakan perundingan kolektif.
- D Perundingan kolektif mestilah dimulakan dalam tempoh 21 hari dari tarikh setuju untuk menerima pelawaan bagi mengadakan rundingan kolektif.

16. Rajah 1 merupakan adalah proses rundingan bersama



Rajah 1

X ialah

- A persetujuan perundingan.
- B memulakan perundingan.
- C menganalisis isu tawar-menawar.
- D menyenaraikan isu-isu yang hendak dirundingkan.

17. Di manakah laporan interim akan dibentangkan oleh pihak Lembaga Siasatan?

- A Dewan Rakyat.
- B Dewan Parlimen.
- C Mahkamah Perusahaan.
- D Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia.

18. Menurut seksyen 45 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, perbuatan mogok adalah haram sekiranya
- A mogok dilakukan pada waktu malam.
 - B mogok dilakukan oleh pekerja-pekerja organisasi.
 - C mogok dilakukan disebabkan perlanjutan pertikaian perusahaan.
 - D mogok dilakukan disebabkan rasa ketidakpuasan hati kesatuan sekerja terhadap majikan.
19. Tuan Aiman mengajak semua pekerja melakukan piket di hadapan organisasi. Walau bagaimanapun Tuan Aiman mengetahui bahawa piket merupakan kesalahan yang boleh menyebabkan kesatuan sekerja bakal berhadapan dengan beberapa masalah seperti berikut **kecuali**
- A pembuangan kerja atas alasan terlibat dengan piket yang tidak sah.
 - B jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM 5,000.00 atau kedua-duanya sekali.
 - C jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 3 tahun atau denda tidak lebih RM 10,000.00 atau kedua-duanya sekali.
 - D jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih satu tahun atau denda tidak lebih RM 1,000.00 atau kedua-duanya sekali.
20. Mengapakah pertikaian perdagangan dimasukkan ke dalam Bahagian IX Akta Perhubungan Perindustrian 1967?
- A Mengelakkan mogok haram.
 - B Mewakili pekerja dalam Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Buruh.
 - C Memberi kelegaan kepada pekerja dalam hal pemberhentian dan pemecatan yang salah.
 - D Mempromosikan langkah-langkah bagi menjamin dan memelihara hubungan yang baik antara majikan dengan pekerja.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mempunyai **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan **lima (5)** fungsi kesatuan sekerja?

(5 markah)

- b. Huraikan kebaikan kepada pekerja jika menyertai kesatuan sekerja.

(15 markah)

SOALAN 2

- a. Pada 28 November 2023, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kesatuan Sekerja (Pindaan) yang membebaskan pekerja untuk memilih sama ada mahu menubuhkan atau menganggotai lebih daripada satu kesatuan sekerja. Oleh itu, Encik Raqif bercadang untuk mengadakan kempen terhadap pekerja dan ahli-ahli kesatuan sekerja tentang tanggungjawab kesatuan sekerja. Bantu Encik Raqif untuk menjelaskan tanggungjawab kesatuan sekerja yang mesti dilaksanakan selepas diberi kebebasan berkesatuan.

(10 markah)

- b. Jelaskan **sepuluh (10)** perkara yang boleh mempengaruhi Ketua Pengarah dalam pembubaran dan pembatalan kesatuan sekerja?

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Bincangkan secara ringkas langkah-langkah bagi mengadakan perundingan kolektif.

(11 markah)

- b. Apakah peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh kesatuan sekerja untuk melancarkan mogok mengikut Akta Kesatuan Sekerja 1959?

(9 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJA**

KOD KURSUS : DSM3183

PEPERIKSAAN : JUN 2024

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A (60 Markah)**
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan untuk membawa sebarang bahan/nota ke bilik peperiksaan tanpa kebenaran daripada pengawas.
3. Pastikan kertas soalan peperiksaan ini mengandungi:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **17** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1.

- Pekerja yang bekerja di bawah bahang panas matahari pada setiap hari.
- Pekerja yang bekerja di kawasan pembangunan yang menggunakan jentera atau mesin yang menghasilkan bunyi terlampau kuat.

Pernyataan 1

Berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 1**, manakah jenis bahaya yang perlu dihadapi oleh pekerja?

- A Kimia.
 - B Fizikal.
 - C Biologi.
 - D Psikososial.
2. Manakah antara berikut **bukan** faktor berlakunya kemalangan di tempat kerja?
- A Pekerja kekurangan latihan keselamatan.
 - B Keadaan tempat kerja yang tidak selamat.
 - C Penggunaan bahan kimia yang berbahaya.
 - D Kekurangan prosedur tindak balas kecemasan.

3. Analisis bahaya kerja bertujuan untuk mencegah kemalangan dan kecederaan di tempat kerja dengan mengenal pasti dan mengurangkan risiko secara proaktif. Apakah prosedur menjalankan analisis bahaya di tempat kerja?
- Harraz diminta untuk menetapkan tahap risiko di tempat kerjanya dengan menggunakan kaedah matriks risiko.
 - Adib diminta oleh majikan untuk mengkategorikan setiap risiko di kilangnya daripada paling bahaya kepada kurang bahaya.
 - Irfan diminta oleh organisasinya untuk merangka satu jenis latihan keselamatan agar semua pekerja memperoleh maklumat terkini.
 - Ketua Pegawai Pengurusan Keselamatan Pekerja di Megah Holdings telah merekodkan semua maklumat yang diperolehi daripada analisis bahaya.
- A** i dan ii
B ii dan iii
C i, ii dan iii
D Semua di atas
4. Manakah antara berikut merupakan kesan daripada bahaya ergonomik?
- A** Mengangkat objek berat tanpa menggunakan peralatan yang betul akan mengakibatkan kecederaan tisu otot.
- B** Renjatan elektrik akan menyebabkan kehilangan keupayaan aset tubuh badan.
- C** Kerosakan peralatan mesin akan menyebabkan kecederaan pada anggota tubuh.
- D** Kejadian alam akan menyebabkan kerosakan infrastruktur.

5. Khairul merupakan pekerja baru di sebuah syarikat swasta. Setiap hari, Khairul sering diminta oleh pengurus kanan untuk membelikan makanan dan melaksanakan kerja-kerja yang sukar. Keadaan ini berlarutan selama beberapa bulan. Jika keadaan ini terus berlaku, apakah jenis bahaya yang akan dialami oleh Khairul?
- A Fizikal.
 - B Biologi.
 - C Psikososial.
 - D Alam sekitar.
6. Manakah antara berikut adalah penjelasan berkenaan bahaya biologi?
- i. Melibatkan sentuhan patogen bersama alergen.
 - ii. Mendorong kepada berlakunya jangkitan dan wabak penyakit.
 - iii. Berpunca daripada tumpahan bahan berbahaya di tempat kerja.
 - iv. Meningkatkan risiko dari segi gangguan muskuloskeletal dan keletihan.
- A i dan ii
 - B iii dan iv
 - C i, ii dan iii
 - D ii, iii dan iv
7. Berpandukan kepada prosedur am dalam menjalankan analisis bahaya kerja, apakah yang perlu dilakukan oleh seorang Pegawai Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja setelah membentuk sebuah pasukan yang terdiri daripada pekerja?
- A Mengenal pasti potensi bahaya secara sistematik.
 - B Membangunkan kawalan untuk mengurangkan risiko.
 - C Menjalankan penetapan tahap risiko yang telah dianalisis.
 - D Menilai analisis potensi dan mengambil kira risiko bahaya.

8. _____ adalah tekanan yang berlarutan untuk jangka masa yang panjang disebabkan oleh amalan buruk atau keadaan yang sukar untuk diterima.
- A Tekanan situasi
 - B Tekanan berbaki
 - C Tekanan kronik
 - D Tekanan dijangkakan
9. Manakah antara berikut **bukan** program pengurusan kesihatan yang boleh dijalankan dalam organisasi?
- A Program aktiviti fizikal.
 - B Program pengurusan stres.
 - C Program pertolongan cemas.
 - D Program saringan dan ujian kesihatan.
10. Amalan 5s merupakan satu amalan yang dapat membantu menguruskan kualiti dan produktiviti seseorang pekerja di dalam sesebuah organisasi. Apakah dua prinsip amalan 5s yang terawal diwujudkan untuk mempromosikan kempen keselamatan industri-industri di negara Jepun?
- A *Seiketsu* dan *Shitsuke*.
 - B *Sensei* dan *Seiton*.
 - C *Seiri* dan *Shitsuke*.
 - D *Seiri* dan *Seiton*.

11. Manakah antara berikut adalah penerangan ergonomik?

- A Mengurangkan premium insurans pampasan pekerja.
- B Mendorong pekerja untuk bertindak pantas apabila berlakunya kecemasan.
- C Bertujuan untuk mengelakkan pekerja daripada risiko kesihatan seperti selesema.
- D Disiplin ilmu berkaitan reka bentuk, pengaturcaraan dan penyelidikan persekitaran, produk dan sistem di tempat kerja.

12.


- Mendorong pekerja supaya lebih selesa dan mudah bekerja melalui sistem yang dirancang dengan baik.
- Membantu pekerja dengan mengurangkan gangguan yang berkaitan dengan tekanan dan ketidakselesaan.
- Memperbaiki fokus dan kecekapan pekerja.

Pernyataan 2

Manakah antara berikut, istilah yang tepat berdasarkan **Pernyataan 2**?

- A Faedah ergonomik.
- B Prinsip ergonomik.
- C Punca ergonomik.
- D Kesan ergonomik.

13.

**Gambar 1**

Amin menghadapi masalah ergonomik yang disebabkan oleh penggunaan komputer sewaktu bekerja. Berdasarkan **Gambar 1**, apakah faktor kepada berlakunya ergonomik terhadap Amin?

- i. Posisi duduk.
- ii. Pencahayaan.
- iii. Kedudukan monitor.
- iv. Suhu dan kelembapan.

- A** i dan ii
B i dan iii
C ii dan iii
D iii dan iv

14.



Gambar 2

Berdasarkan **Gambar 2**, apakah prinsip ergonomik yang perlu diberikan perhatian di tempat kerja?

- A Menambah baik sistem organisasi kerja.
- B Meminimumkan beban statik semasa bekerja.
- C Menetapkan reka bentuk paparan yang mudah difahami.
- D Memastikan susun atur tempat kerja adalah kemas dan selesa.

15. Pengurusan ergonomik adalah bertujuan untuk
- A mengawal emosi pekerja.
 - B meningkatkan produktiviti pekerja.
 - C menguatkuasakan peraturan untuk pekerja.
 - D mengurangkan keparahan kecederaan pekerja.

16.

- Kemudahan pengangkutan.
- Aksesibiliti.

Pernyataan 3

Apakah jenis ergonomik yang dinyatakan dalam **Pernyataan 3**?

- A Reka bentuk produk.
 - B Reka bentuk kenderaan.
 - C Reka bentuk persekitaran bandar.
 - D Reka bentuk interaksi antara manusia dan komputer.
17. Manakah antara berikut adalah tahap kecemasan yang telah ditetapkan sebagai rujukan untuk setiap organisasi di Malaysia?
- i. Tapak.
 - ii. Luaran.
 - iii. Dalaman.
 - iv. Tempatan.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D Semua di atas

18. Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas kecemasan?
- A Pemberian bantuan untuk mengurangkan perkembangan emosi pekerja.
 - B Pemberian bantuan segera dengan mematuhi prosedur dan undang-undang yang ditetapkan.
 - C Pemberian bantuan untuk keadaan yang memberi ancaman kepada pekerja dalam kadar segera.
 - D Pemberian bantuan dengan mengendalikan program untuk pekerja yang mempunyai masalah kesihatan mental.
19. Manakah antara berikut adalah contoh kecemasan yang berlaku bagi jenis kecemasan sekunder?
- A Malaysia telah dilanda jerebu dalam tempoh yang panjang disebabkan oleh cuaca panas melampau.
 - B Banjir kilat kerap berlaku di kawasan bandar Kota Tinggi disebabkan oleh sistem perparitan yang kurang efisien.
 - C Restoran Nasi Kandar Yasmeen ditutup untuk sementara waktu kerana berlakunya letupan kecil di kawasan dapur yang menyebabkan kecederaan kepada pekerjanya.
 - D Sebuah kilang telah melepaskan bahan toksik di Sungai Kimkim sehingga menyebabkan penduduk di Pasir Gudang mengalami masalah kesihatan seperti sesak nafas.
20. _____ adalah kemudahan pertolongan cemas dan perkhidmatan yang diperlukan sebagai rawatan awal bagi pekerja yang mengalami kecederaan, kemalangan atau serangan penyakit sebelum kakitangan kesihatan yang berkecuali hadir untuk memberikan rawatan.
- A Kotak kecemasan
 - B Tindak balas kecemasan
 - C Pelan tindakan kecemasan
 - D Pembentukan sistem respon kecemasan

21. Manakah antara berikut adalah penjelasan yang betul berkenaan jenis renjatan?

i.	Renjatan terbina	Akibat dari kecederaan atau kehilangan cecair dan darah dalam badan.
ii.	Renjatan saraf	Berpunca dari gangguan pada sistem saraf yang menyebabkan akitviti dalam badan terganggu.
iii.	Renjatan elektrik	Renjatan yang tidak melibatkan kehilangan cecair dalam badan.
iv.	Renjatan gabungan	Tidak melibatkan gangguan pada sistem saraf, tetapi menyebabkan kehilangan cecair dalam badan.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D iii dan iv

22. Pada bulan lepas, Ambrusio Holdings telah dipecah masuk oleh sekumpulan perompak dan pengawal keselamatan syarikat itu telah mengalami kecederaan di bahu kanan akibat peluru daripada senjata api yang digunakan suspek. Apakah jenis luka yang dialami oleh pengawal keselamatan syarikat itu?

- A Luka terhiris.
- B Luka tembus.
- C Luka terkoyak.
- D Luka tembakan.

23. Manakah deskripsi yang **betul** bagi kecederaan patah tulang jenis riok (compound fracture)?

- A Patah yang menjadikan hujung tulang tertonjol keluar di bahagian luar kulit.
- B Patah yang berkeping-keping atau terbahagi kepada beberapa bahagian.
- C Patah yang menyebabkan organ lain turut tercedera.
- D Patah secara menyungkap dan tidak terus putus.

24.

Nama pekerja	Muhammad Zahirul bin Zakaria
Jawatan	Tukang masak
Umur	34 tahun
Kecederaan	Tangan melecur
Punca kejadian	Minyak masak yang masih menggelegak panas dalam kuali tertumpah atas tangan mangsa akibat kecuaihan rakan sekerja semasa mengalihkan kuali tersebut.

Pernyataan 4

Pernyataan 4 menunjukkan maklumat berkenaan contoh kes kecederaan yang berlaku di sebuah restoran. Sebagai seorang Pegawai Perubatan, apakah rawatan am yang dapat dinasihatkan kepada pekerja agar dapat dipraktikkan jika berlakunya kejadian seperti ini?

- i. Menenangkan mangsa supaya tidak panik.
- ii. Jangan sapu krim atau minyak di tempat yang cedera.
- iii. Jangan pecahkan gelembung kerana menyebabkan jangkitan.
- iii. Elakkan daripada menanggalkan pakaian yang melekat pada tempat cedera.

- A** i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C ii, iii dan iv
D Semua di atas

25.

Kecederaan yang berlaku pada tisu-tisu, sama ada akan mengeluarkan darah atau tidak serta menyebabkan berlakunya jangkitan kuman.

Pernyataan 5

Apakah jenis kecederaan yang dimaksudkan dalam **Pernyataan 5** di atas?

- A Luka.
- B Patah.
- C Melecur.
- D Renjatan.

26. Setiap organisasi di Malaysia telah diarahkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan demi kebaikan pekerja. Penubuhan ini tertakluk kepada Seksyen 30 di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994. Manakah antara berikut adalah kandungan yang dinyatakan di dalam Seksyen 30 ini?

- i. Penubuhan ini adalah arahan daripada Ketua Pengarah.
- ii. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen ini akan didenda sebanyak RM60,000.
- iii. Penubuhan hanya dibenarkan untuk organisasi yang mempunyai pekerja lebih dari empat puluh orang.
- iv. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen ini akan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C i, ii dan iii
- D i, iii dan iv

27. Manakah antara berikut adalah **bukan** seksyen yang telah diwujudkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 bagi konteks perundingan pekerja dan majikan?
- A Seksyen 27.
 - B Seksyen 28.
 - C Seksyen 30.
 - D Seksyen 31.
28. Mengapakah setiap pekerja perlu melibatkan diri dengan program keselamatan dan kesihatan yang dianjurkan oleh pihak syarikat?
- A Pekerja perlu tahu cara untuk menangani keadaan bahaya memandangkan mereka berisiko terdedah kepada bahaya di tempat kerja.
 - B Pekerja berpeluang untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap peraturan yang ditetapkan.
 - C Pekerja hadir sekadar untuk memenuhi kuota penyertaan program bagi penyimpanan rekod.
 - D Pekerja dapat mengisi masa yang terluang dengan menghadiri program yang dianjurkan.

29.

Perenggan b (i):

Hendaklah menyasat apa-apa perkara di tempat kerja yang dianggap oleh anggota jawatankuasa itu atau orang yang diambil kerja ditempat kerja itu adalah tidak selamat atau merupakan risiko kepada kesihatan.

Pernyataan 6

Pernyataan 6 merujuk kepada seksyen

- A 27.
- B 28.
- C 30.
- D 31.

30. _____ adalah proses yang melibatkan perancangan, persediaan, tindakan, pemulihan dan koordinasi untuk mengurangkan dampak dan risiko kemusnahan terhadap manusia, harta benda dan alam sekitar.

- A Pengurusan bencana
- B Pengurusan ergonomik
- C Pengurusan alam sekitar
- D Pengurusan dokumentasi

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jelaskan **lima (5)** kesan tekanan atau stres kepada pekerja.

(10 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan **lima (5)** faktor risiko ergonomik yang boleh terjadi di tempat kerja.

(10 markah)

b. Puan Laila merupakan Ketua Jabatan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Trend Machinery sdn bhd. Pada bulan yang lalu, beliau telah menerima banyak laporan daripada jabatan-jabatan lain mengenai kecederaan dan kemerosotan kesihatan yang berlaku terhadap pekerja. Setelah analisis dilaksanakan, Puan Laila dimaklumkan bahawa hal tersebut berlaku disebabkan oleh pengurusan sistem ergonomik yang tidak dipraktikkan. Hal ini telah mendorong Puan Laila untuk mula mempraktikkan sistem ergonomik di syarikat tersebut. Jelaskan **lima (5)** faedah kepada pekerja sekiranya sistem ergonomik akan dipraktikkan.

(10 markah)

SOALAN 3

Nyatakan **definisi** kecemasan berdasarkan keselamatan dan kesihatan serta jelaskan **tiga (3)** tahap kecemasan yang berkemungkinan berlaku di tempat kerja.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

